



Original Article

Perkembangan Islam di Turki Menerusi Pendekatan Politik: Satu Sorotan Sejarah

The Development of Islam in Turkey through Political Approach: A Historical Review

Muhammad Khalis Ibrahim^a & Mohd Roslan Mohd Nor^{b*}

^a Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

^b Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia & Felo Bersekutu, Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad (IPDM), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia.

* Corresponding author, Email; m_roslan@um.edu.my.

ABSTRACT

Mustafa Kemal Atatürk built a modern Turkish state through secularization approach. Atatürk's reform program which continued by Kemalist regime triggered reactions among those who aimed to bring back Islam to its place. This paper focuses on the historical review of the development of Islam in Turkey through the political approach during early phases, namely during Adnan Menderes and Necmettin Erbakan era. The methodology of this study involved content analysis method and comparative method on related sources. Generally, Menderes and Erbakan played their roles while on power for the development of Islam in Turkey eventhough there were some limitations. Other than political entities which carried out pro-Islamic policies, the Turkish people who were siding to Islam also contributed to the development of Islam in Turkey indirectly.

Keywords: Erbakan; Menderes; Turkey; the development of Islam; political approach

Pengenalan

Khilafah Uthmaniyyah pernah menjadi sebuah kuasa besar dunia satu ketika dahulu. Ia berkembang pesat pada zaman Sultan Muhammad al-Fatih (1451-1481) dan mencapai kegemilangannya di bawah kepimpinan Sultan Suleiman al-Qanuni (1520-1566). Ketika itu, Khilafah Uthmaniyyah berupaya meluaskan wilayah kekuasaannya yang merangkumi kawasan Asia Barat, Asia Tengah, utara Afrika, Eropah di samping pengaruhnya sampai sehingga ke Nusantara.

Walau bagaimanapun, Khilafah Uthmaniyyah juga mempunyai pasang surutnya sepertimana kerajaan-kerajaan yang lain. Selepas era Sultan Suleiman al-Qanuni, Khilafah Uthmaniyyah

semakin memperlihatkan bibit-bibit kemerosotan baik dari sudut ketenteraan, politik mahupun ekonomi. Pada masa yang sama, tamadun Barat pula sedang melalui perkembangan yang positif dalam konteks kemajuan kebendaan. Perkembangan ini telah menarik perhatian pemimpin Uthmaniyyah untuk mengambil beberapa formula pembaharuan dari Barat bagi memastikan Uthmaniyyah dapat bergerak seiring dengan kemajuan seperti yang diharapkan. Program pembaharuan tersebut bukan sahaja melibatkan aspek politik dan ketenteraan, malah turut merangkumi aspek pendidikan, perundangan, sosial dan kebudayaan.

Proses pembaharuan yang dilakukan memberi kesan yang mendalam terhadap Khilafah Uthmaniyyah yang akhirnya telah melemahkan kerajaan tersebut dari aspek luaran mahupun dalaman. Kemuncak kemerosotan Khilafah Uthmaniyyah ialah bilamana kerajaan tersebut terlibat di dalam kancah Perang Dunia Pertama, di mana wilayah jajahannya mulai hilang satu persatu berikutan kekalahan blok yang disertainya dalam peperangan tersebut. Pada masa yang sama, semangat nasionalisme semakin memuncak di wilayah-wilayah pemerintahan Uthmaniyyah. Kepungan yang dilakukan khususnya oleh pihak Rusia di timur Semenanjung Anatolia dan British di Semenanjung Arab telah menambahkan lagi tekanan buat Khilafah Uthmaniyyah.¹

Sultan Uthmaniyyah yang terakhir, iaitu Sultan Mehmed Vahiduddin (1918-1922) terpaksa menghadapi kesulitan dalam usaha menyelamatkan saki-baki wilayah kekuasaan Uthmaniyyah. Ketika itulah, Mustafa Kemal menampilkan diri sebagai pejuang pembebasan Uthmaniyyah dengan memimpin pasukan tentera Turki bagi menentang Kuasa Berikat. Apa yang menarik ialah Mustafa Kemal ketika itu mengisytiharkan perjuangannya di atas nama Islam, menyebabkan perjuangan yang digerakkan oleh beliau menerima sokongan meluas masyarakat Anatolia termasuklah kelompok agamawan.² Namun, sangkaan bahawa Mustafa Kemal akan mempertahankan institusi khilafah adalah meleset sama sekali bilamana pada tahun 1922, beliau dengan licik telah bertindak menghapuskan kesultanan Uthmaniyyah.³ Pada 29 Oktober 1923 pula, Mustafa Kemal mengisytiharkan Turki sebagai sebuah negara republik dan menamakan dirinya sebagai Presiden Republik Turki yang pertama. Beliau seterusnya bertindak menghapuskan saki-baki Uthmaniyyah dengan menghapuskan institusi khilafah secara keseluruhannya pada 3 Mac 1924.⁴

Pembinaan negara Turki moden pada era pemerintahan Mustafa Kemal Atatürk (1923-1938) (selepas ini dirujuk sebagai "Atatürk") turut disusuli dengan penguatkuasaan sistem baru di atas nama pemodenan. Proses sekularisasi di samping pembaratan telah dilakukan di dalam aspek perundangan, pendidikan, pentadbiran dan sosial. Tradisi Uthmaniyyah yang bercirikan Islam cuba dilenyapkan di dalam pembinaan negara Turki moden kerana dianggap membawa kemunduran kepada bangsa Turki. Senario ini telah memberi implikasi yang besar terhadap kedudukan Islam di negara tersebut yang menyaksikan peranan Islam kian terpinggir di sisi masyarakat.

¹ M. Philips Price, *A History of Turkey: From Empire to Republic* (New York: Macmillan Company, 1956), 95.

² Fadhlullah Jamil, *Islam di Asia Barat Moden: Penjajahan dan Pergolakan* (Selangor: Karisma Publication, 2007), 170-171.

³ Ahmad Azam Ab Rahman, Najmuddin Mohd Nawawi dan Muhammad Suhail Ahmad, *Erdogan Bukan Pejuang Islam?* (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors, 2017), 27.

⁴ Feroz Ahmad, *The Making of Modern Turkey* (New York: Routledge, 1993), 54.

Sepeninggalan Atatürk, program sekularisasi diteruskan oleh pemerintah Kemalis (merujuk kepada pendokong idea sekular Atatürk) Turki selepasnya. Cengkaman sekularisme diperkukuhkan lagi dengan keberadaan institusi tentera melalui peranan besar yang dimainkan dalam menentukan halatuju politik dan pentadbiran Turki supaya sentiasa selari dengan aspirasi Atatürk. Selain itu, tentera turut diberi mandat sebagai pemelihara ideologi atau prinsip sekularisme Turki, terutama sekali dari sebarang usaha untuk membawa Turki kembali kepada pentadbiran yang bercirikan Islam. Sebarang tindakan yang boleh dinilai dan diafirsir oleh tentera sebagai usaha bagi mengembalikan semula Islam di Turki akan dituduh sebagai mencabar prinsip sekularisme dan boleh dikenakan hukuman yang berat.⁵

Tekanan sekularisme dari rejim Kemalis terhadap Islam telah menatijahkan kemunculan gerakan-gerakan berasaskan politik yang berjuang bagi memastikan kedudukan Islam di Turki diangkat semula ke tempat yang selayaknya. Peranan ini telah dimainkan oleh entiti-entiti politik sama ada yang bercirikan Islam mahupun liberal. Makalah ini bertujuan bagi membincangkan mengenai sejarah perkembangan Islam di Turki menerusi pendekatan politik. Makalah ini dimulai dengan perbincangan mengenai latar belakang pembinaan negara Turki moden yang dirintis oleh Atatürk, diikuti dengan perbincangan mengenai perkembangan Islam di Turki pada era Adnan Menderes (1950-1960) dan era Necmettin Erbakan (1969-1998).

Latar Belakang Negara Turki Moden

Pembinaan negara Turki moden

Pemansuhan institusi khilafah dan pengisytiharan negara Republik Turki telah membuka ruang yang luas kepada pelaksanaan proses pembaharuan dan pemodenan melalui usaha pembinaan negara. Semasa kepimpinannya, Atatürk memberikan tumpuan khusus terhadap proses sekularisasi dalam usahanya memodenkan negara dan sekaligus bangsa Turki.⁶ Program sekularisasi Atatürk bersifat radikal dan keras dari sudut pengamalannya, di mana ia tidak semata-mata memisahkan agama dari urusan pentadbiran semata-mata, tetapi juga menjurus ke arah pemisahan agama dari segala urusan kehidupan secara keseluruhan. Di samping mencorak negara Turki moden dengan identiti sekular, pendekatan sekularisasi yang dilaksanakan oleh Atatürk juga bertujuan untuk mensekularkan masyarakat Turki secara keseluruhannya.⁷

Bagi mewajahkan Turki sebagai sebuah negara sekular, beberapa langkah telah diambil semasa era Atatürk. Pada 3 Mac 1924, selain menghapuskan sistem khilafah, parlimen Turki atau Perhimpunan Agung Kebangsaan Turki (*Türkiye Büyük Millet Meclisi*-TBMM) turut meluluskan usul pemansuhan Kementerian Shari'at dan Waqaf serta penyelarasan sistem pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Kebangsaan.⁸ Selain itu, jawatan dan pejabat

⁵ Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pengaruh tentera di dalam pentadbiran Turki, lihat Begüm Burak, "The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and from What?" *European Journal of Economic and Political Studies* 4, no. 1 (2011), 143-169.

⁶ Pauline Lim Meng Juak, *Kemal Ataturk and the building of a Modern Turkish Civilization* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2004), 25.

⁷ Bahadır Çelebi, "The Failure of Assertive Secularization Project in Turkey," *Turkish Journal Politics* 2, no. 1 (2011), 92.

⁸ Niyazi Berkes, *The Development of Secularism in Turkey* (Montreal: McGill University Press, 1964), 461.

Şeyhülislam turut dihapuskan. Manakala pada tahun 1928, Atatürk telah melakukan tindakan yang drastik dengan memansuhkan status Islam sebagai agama rasmi Turki seperti yang termaktub di dalam perlembagaan negara. Pada tahun 1937 pula, pindaan seterusnya telah dibuat dengan menjadikan sekularisme sebagai identiti bagi negara Turki.⁹ Dengan ini, Turki secara rasminya menjadi sebuah negara majoriti umat Islam yang beridentitikan sekular.

Dalam usaha mensekularkan masyarakat, Atatürk telah memberikan tumpuan yang khusus terhadap aspek pendidikan. Memandangkan pendidikan merupakan wahana yang penting dalam mencorak mentaliti masyarakat, maka sistem pendidikan telah diselaraskan melalui Undang-undang Penyelarasan Pendidikan dengan menjadikan pendidikan bercorak sekular sebagai asas utama dalam sistem pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Kebangsaan.¹⁰ Manakala pusat-pusat pengajian yang bercorakkan agama pula dihapuskan di bawah undang-undang tersebut. Sukatan pendidikan yang dirangka telah meminggirkan unsur-unsur ketuhanan dan dimanfaatkan bagi menerapkan kepercayaan di dalam minda para pelajar bahawa metodologi yang berasaskan rasional dan saintifik sahaja yang terbaik dan mampu menyelesaikan segala persoalan kehidupan.¹¹

Proses sekularisasi Atatürk dipengaruhi secara kuat oleh unsur kebaratan. Pauline menyatakan, pembacaan terhadap tulisan-tulisan Rousseau, Voltaire, Auguste Comte dan John Stuart Mill di samping pengalaman melihat sendiri kemajuan dan kemodenan material semasa menetap di Bulgaria telah banyak menanam rasa kagum dan membentuk pemikiran Atatürk terhadap tamadun Barat.¹² Hal ini dapat dilihat antaranya menerusi pembentukan sistem perundangan negara yang diadaptasi dari perundangan Barat iaitu Undang-undang Sivil Swiss, Undang-undang Jenayah Itali dan Undang-undang Jerman pada tahun 1926. Di samping perundangan, budaya atau gaya hidup Barat turut divedok dan diterapkan ke dalam kehidupan masyarakat Turki. Antaranya, budaya meminum arak telah cuba dipopularkan di kalangan rakyat. Malah, pengeluaran arak secara meluas dalam negara turut dijalankan semasa era Atatürk, di mana syarikat arak dimonopoli sendiri oleh kerajaan.¹³ Selain itu, cara berpakaian juga turut menerima impak pembaratan, di mana pemakaian tudung bagi kaum wanita dilihat sebagai cerminan kepada Islam dan digambarkan dengan imej kemunduran bangsa.

Program pembaharuan Atatürk turut disusuli dengan proses penturkian atau turkifikasi. Atatürk bukan sahaja meletakkan matlamat bagi membina negara Turki yang maju dan moden, malah juga ingin mewujudkan masyarakat yang berbangga dengan identiti keturkiannya. Maka, segala perkara yang berkait dengan Islam telah disaluti dengan unsur-unsur keturkian. Pada 6 Februari 1933, arahan telah dikeluarkan supaya azan dilaungkan dalam Bahasa Turki, bukan lagi dalam Bahasa Arab.¹⁴ Tulisan Latin dikuatkuasakan penggunaannya bermula 1 November 1928 bagi menggantikan tulisan Arab. Bagi melahirkan masyarakat yang berbangga dengan identiti

⁹ Asli Topukcu, "The Processes and the Principles of Constitutional Design in Turkey: Historical and Legal Perspective" (makalah, World Congress of Constitutional Law 2014, Oslo, Norway, 16-20 Jun 2014), 5.

¹⁰ Berkes, *The Development of Secularism in Turkey*, 461.

¹¹ Mohammad Redzuan Othman dan Mashitah Sulaiman, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015), 37.

¹² Pauline, *Kemal Ataturk*, 21-23.

¹³ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 40-41.

¹⁴ Shafie Abd Rahman, *Erdogan & Era Baharu Turki Uthmaniyah* (Kuala Lumpur: Darul Taklim, 2017), 133.

keturkiannya, usaha penulisan semula sejarah bangsa Turki telah dilakukan. Pelajar di sekolah dan institusi pengajian diajar mengenai keagungan bangsa Hitte dan Hun yang dikaitkan dengan asal-usul bangsa Turki, bukan berbangga dengan kemegahan bangsa Turki yang beridentitikan Islam semasa era kerajaan Selçuk dan Uthmaniyyah.¹⁵

Bagi mengukuhkan lagi gagasan pembaharuan yang diperkenalkan, Atatürk telah memperkenalkan dasar Kemalisme sebagai kerangka asas dalam pembinaan negara Turki moden. Prinsip-prinsip yang terkandung di dalam dasar Kemalisme ialah republikanisme, nasionalisme, revolusionisme, sekularisme, populisme dan etatisme. Republikanisme merupakan gagasan politik yang memperakui Presiden sebagai ketua negara dan menolak sistem monarki sepertimana yang diamalkan semasa era Uthmaniyyah. Nasionalisme adalah idea yang beraspirasikan kemerdekaan negara dan menjadikan kesetiaan hanya kepada Republik Turki. Revolusionisme merujuk kepada proses pemodenan yang dijalankan bagi mentamadunkan bangsa Turki supaya setanding dengan bangsa Barat. Sekularisme pula menjadi asas idea kepada pelbagai aspek di dalam urusan pentadbiran dan pembinaan negara dengan memisahkan peranan agama dari hal ehwal keduniaan. Populisme merupakan falsafah politik yang memusatkan rakyat sebagai pemegang kuasa mutlak. Manakala etatisme pula menjadikan kerajaan berperanan melalui campur tangan baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses pembangunan ekonomi.¹⁶ Di antara keenam-enam prinsip dalam dasar Kemalisme ini, prinsip sekularisme merupakan prinsip terpenting yang menjadi premis asas bagi urusan-urusan pentadbiran, perundangan, pendidikan dan sosial.

Turki pasca Atatürk

Program sekularisasi dan pembaratan yang dijalankan oleh rejim Atatürk telah memberi kesan kepada corak dan pembentukan masyarakat Turki secara umumnya. Masyarakat di bandar khususnya lebih terkesan dengan proses sekularisasi yang dilaksanakan, di mana jenayah moral kian menular dan semakin bersebat di kalangan mereka. Di samping itu, gejala keruntuhan moral turut melanda generasi muda di bandar.¹⁷ Walau bagaimanapun, gelombang sekularisasi dan pembaratan kurang memberi kesan dan pengaruh terhadap masyarakat di luar bandar. Mereka terus mengamalkan tradisi Islam dalam pelbagai aspek kehidupan dan pada masa yang sama mengasimilasikan tradisi Islam dengan peraturan sivil.¹⁸ Selain itu, masyarakat di luar bandar turut meneruskan amalan kesufian yang merupakan tradisi masyarakat Islam Turki sejak ratusan tahun ketikamana masyarakat di bandar semakin meninggalkannya berikutan perundangan Turki yang melarang rakyatnya untuk terlibat dengan kegiatan tersebut.

¹⁵ Mashitah Sulaiman, "Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Moden Melalui Proses Politik" (disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2004), 34.

¹⁶ Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai prinsip Kemalisme, lihat Pauline Lim Meng Juak, "The Building of a Modern Turkish Civilization: A Study of Kemal Ataturk's Vision and Approach to Nation-Building" (disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002), 70-80.

¹⁷ Penolakan terhadap tradisi Islam dari urusan kehidupan lebih kuat berlaku di kawasan bandar. Misalnya, masyarakat di bandar Istanbul dan Ankara tidak lagi memberikan perhatian terhadap tuntutan dan larangan di bulan Ramadhan. Ibadat solat tidak lagi menjadi kelaziman di samping pertambahan angka generasi muda yang terlibat dengan kegiatan zina dan minuman beralkohol. Lihat Asyraf Hj Ab Rahman et al., "The Consequences of Ataturk's Secularization on Turkey," *Asian Social Science* 11, no. 21 (2015), 352.

¹⁸ Binnaz Toprak, *Islam and Political Development in Turkey* (Leiden: E. J. Brill, 1981), 53-55.

Setelah ketiadaan Atatürk, kepimpinan negara diserahkan kepada Ismet İnönü (1938-1950) (selepas ini dirujuk sebagai "İnönü). Semasa kepimpinan İnönü, Perang Dunia Kedua telah meletus di antara Kuasa Bersekutu dengan Pakatan Paksi. Berbeza dengan kerajaan Uthmaniyyah sebelumnya yang memilih untuk berpihak semasa Perang Dunia Pertama, Turki pada era İnönü memilih untuk bersikap berkecuali.¹⁹ Selepas tamat Perang Dunia Kedua, wujud desakan yang kuat terhadap pelaksanaan ke arah liberalisasi sistem politik. Desakan ini tercetus berikutan tewasnya pihak Pakatan Paksi dan sekaligus rejim fasis yang bercorak kuku besi di Eropah dan di Jepun. Sebaliknya, ideologi demokrasi yang dicanang oleh Amerika Syarikat mula diterima secara sejagat sebagai model politik yang terbaik. Perkembangan ini menyebabkan rejim di Turki mula menilai kembali corak kuku besi yang diamalkan sebelumnya. Tambahan pula, Turki yang sememangnya bersikap oportunist sentiasa memastikan dirinya berada di dalam arus perdana politik dunia yang sentiasa berubah-ubah tanpa melihat ideologi atau pegangan yang terpaksa dianuti.²⁰

Dalam satu sesi persidangan TBMM pada 1 November 1945, İnönü telah mengumumkan reformasi sistem politik yang bakal dilaksanakan, khususnya bagi memastikan kewujudan pembangkang sebagai ejen semak imbang di TBMM.²¹ Akhirnya, pemerintah Turki ketika itu membenarkan pelaksanaan sistem pelbagai parti setelah *Cumhuriyet Halk Partisi* (CHP) mendominasi kerajaan secara bersendirian sejak tahun 1923. Di samping mereformasi sistem politik, sistem pelbagai parti juga dilaksanakan bagi mengendurkan ketegangan yang timbul akibat sekatan yang dilakukan terhadap agama sejak sekian lama.²²

Pilihanraya tahun 1946 merupakan pilihanraya Turki yang pertama selepas reformasi sistem politik diperkenalkan. Mandat yang diberikan oleh rakyat dalam pilihanraya tersebut telah dimanfaatkan sebaiknya oleh CHP bagi melaksanakan beberapa dasar mesra-Islam untuk memperlihatkan sikap liberal kerajaan selain bagi meyakinkan pengundi bahawa parti tersebut tidak anti-Islam.²³ Walau bagaimanapun, CHP yang selama ini telah memerintah secara tunggal tidak berupaya mengekalkan dominasi politiknya berikutan kekalahan dalam pilihanraya umum pada tahun 1950 di tangan *Demokrat Partisi* (DP).

Tentera sebagai pemelihara sekularisme Turki

Di Turki, tentera tidak hanya berperanan dalam memastikan keselamatan negara terus terjamin, malah juga berperanan sebagai pemelihara gagasan sekularisme yang diasaskan oleh Atatürk. Bagi memenuhi peranan tersebut, Undang-undang Penyelenggaraan Pertahanan Awam telah dikuatkuasakan dengan memberi kuasa kepada kerajaan –melalui khidmat tentera– untuk

¹⁹ Perang Dunia Kedua meletus bilamana tentera Jerman menjajah Poland pada 1 September 1939. Ia melibatkan Kuasa Bersekutu yang terdiri dari perikatan negara-negara Komanwel, Perancis, Amerika Syarikat, Kesatuan Soviet dan China dengan Pakatan Paksi yang dianggotai oleh Jerman, Jepun dan Itali. Walaupun memilih untuk berkecuali secara awalnya, namun Turki dilihat bersikap oportunist dengan bersikap menyokong pihak yang berpotensi menang dan boleh memberi faedah kepada negara tersebut. Lihat Fadhlullah, *Islam di Asia Barat Moden*, 185-186.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Feroz, *The Making of Modern Turkey*, 102.

²² Sistem pelbagai parti telah membuahkan beberapa impak positif dari sudut pelaksanaan program Islam. Antaranya, pengajaran subjek agama dibenarkan di sekolah, penubuhan fakulti teologi, kebenaran menggunakan Bahasa Arab bagi urusan keagamaan dan penubuhan masjid secara pesat di sekitar Turki. Lihat George S. Harris, *Turkey Coping with Crisis* (Colorado: Westview Press, 1985), 129.

²³ Fadhlullah, *Islam di Asia Barat Moden*, 187-188.

menyekat sebarang organisasi atau individu yang difikirkan boleh menggugat keselamatan negara. Melalui tribunal bebas yang dibentuk daripada undang-undang ini, keputusan muktamad boleh dikeluarkan melalui mahkamah tanpa persetujuan TBMM berasaskan justifikasi memelihara negara daripada sebarang anasir yang cuba menggugat keamanan negara.²⁴

Selain itu, tentera juga diperuntukkan kuasa melalui Artikel 35 Kanun Perkhidmatan Luar Tentera Turki yang menyatakan bahawa “tugas pasukan tentera ialah mempertahankan dan memelihara wilayah Turki dan Republik Turki sebagaimana termaktub di dalam perlembagaan”. Dengan peruntukan tersebut, tentera berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu jika mendapati kebajikan negara diabaikan oleh pemerintah atau prinsip sekularisme terancam.²⁵ Kuasa yang diberikan ini dijadikan asas justifikasi oleh pihak tentera bagi melakukan campurtangan dalam urusan pentadbiran negara.

Walaupun sejak era Atatürk tentera dilarang terlibat secara aktif di dalam politik, namun tentera hakikatnya memainkan peranan yang besar dalam mencorak lanskap politik Turki. Kekosongan jawatan politik selepas penubuhan republik banyak diisi oleh individu-individu yang terdiri daripada bekas anggota tentera yang pernah bersama dengan Atatürk semasa penghujung era Uthmaniyyah.²⁶ Mereka diberikan keistimewaan untuk mengisi posisi-posisi strategik di dalam kerajaan pada era pemerintahan tunggal CHP (1923-1950). Peranan tentera yang ditugaskan sebagai pemelihara idea Kemalisme di samping CHP yang lebih sinonim dengan aspirasi Atatürk menyebabkan tentera mempunyai hubungan yang lebih rapat dengan CHP secara relatifnya berbanding parti-parti yang lain.²⁷ Hal ini menjelaskan mengapa konflik sepanjang perkembangan politik Turki moden dan ketegangan hubungan antara tentera dengan pemerintah hanya berlaku bilamana kerajaan Turki dipimpin oleh parti-parti selain CHP.

Di samping mempunyai kebebasan dalam melakukan sebarang tindakan yang difikirkan perlu di atas justifikasi “memelihara keamanan negara”, tentera turut dilihat berperanan sebagai tonggak utama bagi politik Turki. Angkatan tentera Turki cukup licik bagi memposisikan dirinya di dalam spektrum politik sehingga institusi tersebut berupaya menikmati pelbagai keistimewaan.²⁸ Jika pihak tentera mendapati kepentingan mereka dihakis hatta oleh rejim pemerintah sekalipun, mereka akan melakukan tindakan drastik, termasuklah dengan melakukan campurtangan secara langsung di dalam pentadbiran awam. Keberadaan tentera yang dilihat sebagai pemelihara kestabilan negara dan prinsip sekularisme menyebabkan rakyat Turki sering memberikan kepercayaan kepada tentera dalam menangani sebarang ancaman luar mahupun dalam.²⁹ Peruntukan di dalam perundangan serta kepercayaan masyarakat memberikan kelegitimasian kepada tentera untuk melakukan sebarang tindakan bagi mencapai matlamat tersebut, termasuklah tindakan-tindakan yang tidak demokratik.

²⁴ Pauline, *Kemal Atatürk*, 54.

²⁵ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 52-53; Kevin K. McCaskey, “Of Ballots and Bullets: Explaining Civilian Control of the Military in Turkey, 2002-2011” (disertasi kedoktoran, Naval Postgraduate School, Monterey, California, 2014), 6.

²⁶ Harris, *Turkey Coping with Crisis*, 130.

²⁷ Feroz, *The Making of Modern Turkey*, 11.

²⁸ Begüm Burak, “The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and From What?,” *European Journal of Economic and Political Studies* 4, no. 1 (2011), 148-149.

²⁹ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 172.

Perkembangan Islam Di Turki Menerusi Pendekatan Politik

Era Menderes dan *Demokrat Partisi* (1950-1960)

Reformasi sistem politik dari sistem satu parti kepada sistem pelbagai parti telah mencetuskan wacana baru di kalangan masyarakat dan elit politik dalam membincangkan mengenai kedudukan sekularisme dan Islam di Turki. Tambahan pula, keberadaan masyarakat luar bandar yang rata-ratanya masih bersifat konservatif dan melihat Islam sebagai elemen yang penting di dalam urusan kehidupan menyebabkan parti-parti besar seperti CHP dan DP terpaksa mempertimbangkan polisi yang ingin dilaksanakan bagi memenangi hati kelompok tersebut.³⁰

Untuk menyaingi CHP, DP cuba mengemukakan wacana baru mengenai sekularisme yang lebih harmoni berbanding wacana yang dibawa oleh CHP. Dalam hal ini, tokoh-tokoh pimpinan DP cuba memberi tafsiran baru sekularisme dengan menjamin ruang bagi agama dari sudut praktikaliti.³¹ Kesannya, DP berjaya memenangi pilihanraya umum 1950 dengan menewaskan CHP yang sebelumnya telah memerintah secara bersendirian. Kemenangan DP adalah disebabkan parti tersebut berjaya menguasai segmen pengundi luar bandar yang majoritinya masih lagi berpegang kepada cara hidup konservatif dan Islami secara lebih berkesan berbanding CHP. Toprak menghujahkan di dalam penulisannya bahawa antara faktor kejayaan DP ialah keberkesannya dalam membina jaringan dengan masyarakat luar bandar serta memanfaatkan isu-isu agama.³² Hal ini turut dinyatakan oleh Çakmak bahawa DP memperoleh sokongan yang memberangsangkan berikutan janjinya untuk memperluaskan lagi peranan Islam di dalam urusan kehidupan masyarakat Turki.³³

Dalam memenuhi janji-janjinya semasa pilihanraya, Menderes di atas kapasiti sebagai Perdana Menteri Turki telah melaksanakan beberapa dasar mesra Islam di dalam pentadbirannya. Antaranya, keizinan bagi rakyat yang ingin mengerjakan ibadah haji di Mekah telah diberikan dengan mempermudah proses pertukaran mata wang Lira Turki kepada pertukaran mata wang antarabangsa, mengembalikan semula seruan azan ke dalam Bahasa Arab, membuka semula makam-makam suci untuk diziarahi oleh rakyat dan penyiaran bacaan al-Qur'an melalui stesen radio.³⁴

Selain memenuhi janji-janjinya untuk mengembalikan semula elemen-elemen Islam seperti asalnya, kerajaan Menderes turut memberikan perhatian khusus terhadap pendidikan agama di peringkat sekolah. Semasa era beliau, Sekolah Imam-Hatip; iaitu sekolah vokasional beraliran agama bagi melatih imam dan khatib telah dibuka semula setelah ditutup beberapa tahun dan

³⁰ Dalam keadaan Turki yang ketika itu merupakan sebuah negara yang sedang mula membangun, masyarakat elit yang menetap di bandar hanya merangkumi satu pertiga sahaja daripada keseluruhan populasi rakyat Turki. Manakala selebihnya menetap di luar bandar dan masih mengamalkan tradisi Islam dalam urusan kehidupan. Lihat Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, 72.

³¹ Binnaz Toprak, "Secularism and Islam: The Building of Modern Turkey," *Macalester International* 15, no. 9 (2005), 34.

³² Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, 72.

³³ Diren Çakmak, "Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools," *Middle Eastern Studies* 45, no. 5 (2009), 829.

³⁴ Toprak, "Secularism and Islam," 34; Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 50.

diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan Kebangsaan. Di samping membuka semula sekolah tersebut, kerajaan DP juga telah menambah bilangannya di seluruh Turki.³⁵ Sebelum era pemerintahan DP, Sekolah Imam-Hatip hanya dibuka di peringkat sekolah menengah. Pada era DP pula, sekolah tersebut turut dibuka di peringkat sekolah tinggi bermula sesi persekolahan 1955-1956. Penambahan bilangan Sekolah Imam-Hatip di peringkat sekolah menengah dan sekolah tinggi turut menyumbang kepada pertambahan bilangan pelajar yang bersekolah di sekolah tersebut (lihat Jadual 1).

Jadual 1. Bilangan Sekolah Imam-Hatip dan Pelajar (Sesi 1923-1924 sehingga Sesi 1960-1961)

| Sesi persekolahan | Sekolah menengah | | Sekolah tinggi | | Jumlah pelajar |
|-------------------|------------------|---------|----------------|---------|----------------|
| | Sekolah | Pelajar | Sekolah | Pelajar | |
| 1923-1924 | 29 | 1,822 | - | - | 1,822 |
| 1925-1926 | 20 | 1,009 | - | - | 1,009 |
| 1929-1930 | - | - | - | - | - |
| 1931-1950 | - | - | - | - | - |
| 1951-1952 | 7 | 876 | - | - | 876 |
| 1955-1956 | 16 | 2,181 | 7 | 254 | 2,435 |
| 1960-1961 | 19 | 3,374 | 17 | 1,171 | 4,545 |

Sumber: *Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools*³⁶

Di samping memperkasakan semula Sekolah Imam-Hatip, kerajaan DP turut menaikkan bajet bagi Jabatan Hal Ehwal Agama (*Diyanet İşleri Başkanlığı*-Diyanet). Jika merujuk kepada Jadual 2 di bawah, adalah didapati bahawa sepanjang pemerintahan DP, bajet bagi Diyanet telah mengalami kenaikan setiap tahun. Pertambahan bajet yang diperuntukkan membolehkan program pembangunan Islam dilaksanakan secara lebih pesat melalui saluran yang diperuntukkan oleh kerajaan.³⁷

Jadual 2. Bajet Peruntukan Bagi Diyanet (1945-1960)

| Tahun | Bajet bagi Diyanet* | Jumlah bajet bagi kementerian-kementerian* | Peratus bajet Diyanet (%) |
|-------|---------------------|--|---------------------------|
| 1945 | 0.75 | 603.4 | 0.1 |
| 1946 | 1.5 | 990.6 | 0.2 |
| 1947 | 2.7 | 1,136.2 | 0.2 |
| 1948 | 2.9 | 1,243.6 | 0.2 |
| 1949 | 2.8 | 1,222.2 | 0.2 |
| 1950 | 2.9 | 1,487.2 | 0.2 |
| 1951 | 7.8 | 1,274.7 | 0.6 |
| 1952 | 9.1 | 1,375.7 | 0.7 |
| 1953 | 10.7 | 1,566.2 | 0.7 |
| 1954 | 11.5 | 1,693.3 | 0.7 |
| 1955 | 15.2 | 2,063.3 | 0.7 |

³⁵ Çakmak, "Pro-Islamic Public Education in Turkey," 830-831.

³⁶ *Ibid.*, 831.

³⁷ Antara pembangunan dalam hal ehwal agama di bawah kelolaan Diyanet ialah pembinaan masjid dan Sekolah Imam-Hatip secara pesat di seluruh Turki. Lihat Kemal H. Karpat, "The Turkish Elections of 1957," *The Western Political Quarterly* 14, no. 2 (1961), 443.

| | | | |
|------|------|---------|-----|
| 1956 | 21.1 | 2,369.7 | 0.9 |
| 1957 | 23.2 | 2,733.4 | 0.8 |
| 1958 | 24.4 | 2,980.0 | 0.8 |
| 1959 | 25.2 | 4,062.8 | 0.6 |
| 1960 | 39.3 | 4,638.5 | 0.8 |

*dalam juta Lira Turki

Sumber: *Islam and Political Development in Turkey*³⁸

Kebebasan ruang awam pada era Menderes turut meningkatkan kompetensi organisasi-organisasi yang bercirikan Islam. Sepanjang fasa tersebut, bilangan organisasi-organisasi keagamaan telah mengalami pertambahan mendadak sehingga mencecah satu pertiga daripada keseluruhan jumlah pertubuhan yang wujud di Turki.³⁹ Perkembangan tersebut adalah berbeza jika dibandingkan dengan fasa sebelumnya di mana penubuhan organisasi-organisasi yang berorientasikan agama adalah suatu yang menyukarkan. Selain itu, penerbitan bahan-bahan bacaan agama serta penambahan bilangan mereka yang mengerjakan haji di Mekah, yang mengenakan pemakaian menutup aurat dan yang menghadirkan diri ke masjid juga berlaku secara rancak.⁴⁰

Walau bagaimanapun, pemerintahan DP hanya bertahan selama kira-kira 10 tahun sebelum pihak tentera melakukan rampasan kuasa buat kali pertama dalam sejarah Turki moden. Tindakan tersebut dipercayai dilakukan kerana pihak tentera mendapati kerajaan berpotensi menggugat kedudukan sekularisme di samping mengabaikan kepentingan-kepentingan tentera. Menderes terpaksa membayar dengan harga yang mahal demi membuka ruang kepada perkembangan Islam di Turki bilamana beliau beserta dua lagi pemimpin kanan DP; Fatin Rustu Zorlu dan Hasan Polatkan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati.⁴¹ Tentera seterusnya mengambil alih pentadbiran secara sementara bagi menstabilkan semula politik di Turki.

Era Erbakan dan *Milli Görüş* (1969-2001)

Perjuangan mengangkat nilai-nilai Islam di negara Turki melalui wasilah politik yang berasaskan aspirasi Islam telah dirintis oleh Erbakan. Secara asasnya, pendekatan politik Islam Erbakan berpaksikan kepada idea *Milli Görüş* (Wawasan Kebangsaan), iaitu gagasan utama bagi dasar pembangunan negara dan politik yang mula dicetuskan oleh beliau pada tahun 1969.⁴² Melalui *Milli Görüş*, Erbakan cuba mengenegahkan idea faham Islam sebagai kerangka utama dalam pembinaan negara, peradaban dan bangsa Turki supaya seimbang dari sudut rohani

³⁸ Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, 81.

³⁹ Secara umumnya, pertubuhan-pertubuhan tersebut tidak bersifat politik, sebaliknya terlibat dalam pembangunan masjid, penyediaan kemudahan-kemudahan untuk masyarakat beribadat serta menggerakkan kelas-kelas pengajian al-Qur'an secara persendirian. Lihat Yasushi Hazama, "Democratization and Islamic movements in Turkey," dalam *Popular Movements and Democratization in the Islamic World*, ed. Masatoshi Kisaichi (Oxon: Routledge, 2006), 167-168.

⁴⁰ Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, 81.

⁴¹ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 50.


⁴² David Vielhaber, "The Milli Görüş of Germany," *Current Trends in Islamist Ideology* 13 (2012), 47; Mashitah, "Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Moden", 59. Kekangan dasar sekularisme yang menjadi anutan negara Turki menjadikan kumpulan-kumpulan berhaluan Islam terpaksa menggunakan slogan yang tidak menampakkan ciri-ciri kelslaman yang jelas dalam organisasi dan gagasan mereka.

mahupun jasmani sebagaimana peradaban yang pernah dibina oleh Rasulullah SAW dan generasi awal.⁴³

Sambur di dalam tulisannya menghujahkan bahawa *Milli Görüş* berdiri di atas tiga paksi iaitu Islamisme, nasionalisme dan anti-pembaratan.⁴⁴ Namun, penulis berpendapat penghujahan tersebut kurang tepat dalam menjelaskan idea *Milli Görüş*. Hakikatnya, Erbakan tidak menolak Barat secara mutlak, akan tetapi menolak pandangan alam atau *worldview* Barat yang bersifat sekular serta pengadaptasiannya secara melulu, khususnya dalam proses pembinaan tamadun sepertimana yang dilakukan oleh Atatürk. Pertentangan *Milli Görüş* akan tamadun Barat adalah berkisar tentang konsepsi terhadap asas ketamadunan, di mana *Milli Görüş* meletakkan matlamat pembinaan tamadun yang menjalinkan hubungan antara Allah, manusia dan alam sekeliling, manakala idea tamadun Barat bercirikan dominasi dan kekuasaan.⁴⁵ Walau bagaimanapun, pertentangan tersebut tetap tidak menghalang Erbakan untuk menjalinkan hubungan dengan kuasa Eropah semasa berada di dalam kerajaan.⁴⁶ Apa yang menjadi kritikan Erbakan ialah proses pembaratan yang dilaksanakan bagi menggantikan tradisi Uthmaniyyah kerana baginya, proses tersebutlah yang menyumbang kepada kemerosotan Turki.⁴⁷

Dalam mengenengahkan aspirasi *Milli Görüş* kepada masyarakat umum, beberapa parti politik telah ditubuhkan untuk membawa gagasan tersebut. Sebahagiannya dipimpin secara langsung oleh Erbakan, manakala sebahagian lagi dinaungi oleh beliau secara tidak langsung dan dipimpin oleh pengikutnya (lihat Rajah 2.1).

Rajah 1. Carta Aliran Parti-Parti Politik *Milli Görüş* (1969-Kini)



Pada 26 Januari 1970, Erbakan bersama beberapa rakannya yang lain telah menubuhkan *Milli Nizam Partisi* (MNP).⁴⁸ MNP merupakan parti politik pertama yang ditubuhkan bagi mewakili gagasan *Milli Görüş* dengan mensasarkan matlamat pelaksanaan shari'at Islam dalam kehidupan masyarakat di Turki. Di samping itu, ia juga menekankan keperluan berpegang

⁴³ Vielhaber, "The Milli Görüş of Germany," 49.

⁴⁴ Bilal Sambur, "The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan," *European Journal of Economic and Political Studies* 2, no.2 (2009), 120.

⁴⁵ Fulya Atacan, "Explaining Religious Politics at the Crossroad AKP-SP," dalam *Political Islam Critical Concepts in Islamic Studies*, ed. Barry Rubin (Oxon: Routledge, 2007), 348-349.

⁴⁶ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 74.

⁴⁷ Ihsan D. Dagi, "Transformation of Islamic Political Identity in Turkey Rethinking the West and Westernization," dalam *Political Islam Critical Concepts in Islamic Studies*, ed. Barry Rubin (Oxon: Routledge, 2007), 308.

⁴⁸ Selain Erbakan, individu-individu lain yang menjadi peneraju awal MNP ialah Hasan Aksay (bertanggungjawab sebagai pengatur organisasi), Ahmet Tevfik Paksu (Ketua Hal Ehwal Pilihanraya), Suleymen Arif Emre (Setiausaha Agung), Ismail Muftuoglu (Penolong Setiausaha Agung) dan Omer Faruk Ergin (Bendahari Kehormat). Lihat Mashitah, "Islam dan Pembinaan Peradaban Turki," 42-43.

kepada akhlak dan moral yang mulia, memperjuangkan demokrasi serta berusaha menyedarkan masyarakat akan potensi Islam sebagai sumber tamadun dan kemajuan.⁴⁹ Namun, MNP tidak sempat menyertai sebarang pilihanraya kerana telah diarahkan tutup oleh Mahkamah Perlembagaan pada Mac 1971 di atas dakwaan melanggar Artikel 19 perlembagaan negara, iaitu mengeksploitasi agama bagi tujuan politik.⁵⁰

Pengharaman MNP tidak menyekat kemaraan gerakan politik Islam di Turki. Pada 11 Oktober 1972, Erbakan dan beberapa rakannya yang lain menubuhkan pula *Milli Selamet Partisi* (MSP) sebagai kesinambungan bagi MNP.⁵¹ Tekanan yang dihadapi pada era MNP menjadikan penggerak-penggerak MSP menilai semula pendekatan mereka bagi menterjemahkan Islam dalam kerangka perlembagaan negara. Dalam hal ini, MSP banyak mengambil pendekatan merefleksi sejarah bagi menyampaikan aspirasi Islam, khususnya dalam memperkasakan budaya dan institusi keluarga.⁵²

Pilihanraya umum tahun 1973 memperlihatkan kejayaan MSP meraih 11.8 peratus undi dengan menguasai 48 kerusi TBMM.⁵³ Keputusan tersebut menjadikan MSP sebagai parti ketiga terbesar dari segi jumlah kerusi selepas CHP dan *Adalet Partisi* (AP) yang masing-masing memperoleh 185 dan 149 kerusi. Berlaku ketidakstabilan dari sudut bilangan kerusi memandangkan parti-parti yang bertanding tidak mempunyai bilangan kerusi yang mencukupi untuk memerintah secara bersendirian. Hasilnya, kerajaan campuran antara CHP dan MSP telah dibentuk pada Januari 1974. Namun, kerajaan tersebut hanya bertahan sehingga 18 April 1974 sahaja. Seterusnya, kerajaan kedua telah dibentuk yang melibatkan AP, *Milliyetçi Hareket Partisi* (MHP), *Cumhuriyetçi Güven Partisi* (CGP) dan MSP pada Mac 1975. Walau bagaimanapun, gabungan tersebut juga tidak bertahan lama sebelum dibubarkan pada Jun 1977. Gabungan kerajaan seterusnya pula dibentuk dengan melibatkan kerjasama AP, MSP dan MHP.⁵⁴

Melalui kebijaksanaan Erbakan, kesempatan MSP menduduki beberapa posisi strategik di dalam kerajaan⁵⁵ telah dimanfaatkan sebaiknya untuk kepentingan Islam. Dalam konteks polisi awam misalnya, MSP telah berusaha menaikkan peruntukan bagi masjid-masjid di luar bandar, memudahkan rakyat bagi urusan ibadah haji serta menyiarkan rancangan berbentuk keagamaan di televisyen dan radio. Di samping itu, kementerian-kementerian di bawah MSP turut melakukan usaha mencegah elemen-elemen kemungkaran yang boleh menjejaskan nilai moral masyarakat. Unsur-unsur lucah yang dipamerkan di sekitar Turki dalam bentuk patung dan papan iklan telah diarahkan supaya dibuang. Sebuah filem dokumentari yang berunsur lucah juga telah dihentikan penyiarannya kerana menyanggahi akhlak dan moral Islam. Selain itu,

⁴⁹ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 66-67.

⁵⁰ Mehmet Yaşar Geyikdağı, *Political Parties in Turkey: The Role of Islam* (New York: Praeger Publisher, 1984), 105.

⁵¹ Kebanyakan tokoh MNP turut menjadi peneraju MSP, termasuklah Suleyman Arif Emre (Setiausaha Agung MNP) yang dilantik sebagai pengerusi MSP yang pertama. Pada awal penubuhan MSP, Erbakan hanya berperanan di balik tabir bagi mengelak parti tersebut dikaitkan dengan beliau. Lihat Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 70.

⁵² Toprak, *Islam and Political Development in Turkey*, 99-101.

⁵³ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 71.

⁵⁴ *Ibid.*, 71-72.

⁵⁵ Misalnya, Erbakan sendiri telah dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri di samping tokoh-tokoh MSP lain seperti Suleyman Arif Emre (Menteri Dalam Negara), Sevkaz Kazan (Menteri Kehakiman), Oguzhan Asilturk (Menteri Dalam Negeri), Fehim Adak (Menteri Perdagangan) serta Korkut Ozal (Menteri Makanan, Pertanian dan Ternakan). *Ibid.*, 72.

Kementerian Dalam Negeri turut memperketatkan undang-undang penjualan arak dengan melakukan pemantauan secara serius.⁵⁶

Sepertimana Menderes, Erbakan turut memberikan perhatian terhadap aspek pendidikan di dalam usahanya memperkukuhkan kedudukan Islam di Turki. Dalam tempoh kepimpinan MSP, Sekolah Imam-Hatip yang ditutup sebelumnya telah dibuka kembali bagi peringkat sekolah menengah bermula sesi persekolahan tahun 1974-1975.⁵⁷ Dengan ini, Sekolah Imam-Hatip telah beroperasi semula di peringkat sekolah menengah di samping sekolah tinggi seperti sebelumnya. Pada sesi berikutnya pula, pelajar perempuan dibenarkan untuk memasuki Sekolah Imam-Hatip.⁵⁸ Selain itu, pelajar lepasan Sekolah Imam-Hatip di peringkat sekolah tinggi dibolehkan untuk menyambung pengajian di universiti menggunakan sijil yang diperoleh dari sekolah tersebut, meletakkan mereka setaraf dengan kedudukan lepasan sekolah tinggi biasa. Perkembangan-perkembangan tersebut telah memberi kesan kepada pertambahan bilangan pelajar yang menuntut di Sekolah Imam-Hatip dan sekaligus turut menyumbang kepada pertambahan bilangan sekolah tersebut (lihat Jadual 2.3).

Jadual 3. Bilangan Sekolah Imam-Hatip dan Pelajar (Sesi 1971-1972 sehingga Sesi 1980-1981)

| Sesi persekolahan | Sekolah menengah | | Sekolah tinggi | | Jumlah pelajar |
|-------------------|------------------|---------|----------------|---------|----------------|
| | Sekolah | Pelajar | Sekolah | Pelajar | |
| 1971-1972 | 72 | 37,388 | 58 | 9,012 | 46,400 |
| 1972-1973 | 72 | 17,462 | 69 | 20,723 | 38,185 |
| 1973-1974 | 72 | 10,785 | 71 | 23,795 | 34,580 |
| 1974-1975 | 101 | 24,091 | 72 | 24,804 | 48,895 |
| 1975-1976 | 171 | 51,724 | 72 | 25,770 | 77,494 |
| 1976-1977 | 248 | 84,784 | 72 | 25,800 | 110,584 |
| 1977-1978 | 334 | 108,345 | 103 | 26,169 | 134,514 |
| 1978-1979 | 335 | 114,263 | 171 | 34,417 | 148,680 |
| 1979-1980 | 340 | 130,094 | 249 | 47,941 | 178,035 |
| 1980-1981 | 374 | 138,814 | 333 | 62,186 | 201,000 |

Sumber: *Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools*⁵⁹

Walau bagaimanapun, ketidakstabilan politik dan ekonomi sepanjang era 1970-an telah dijadikan alasan oleh pihak tentera bagi melakukan rampasan kuasa pada 12 September 1980. Rampasan kuasa tersebut turut menjejaskan program pembangunan Islam Erbakan melalui wadah MSP berikutan pengharaman parti tersebut yang didakwa telah mengeksploitasi agama bagi tujuan politik; iaitu alasan yang sama sepertimana pengharaman MNP sebelumnya.

⁵⁶ *Ibid.*, 73.

⁵⁷ Çakmak, "Pro-Islamic Public Education in Turkey," 831-832.

⁵⁸ Ibrahim Aşlamacı dan Recep Kaymakcan, "A model for Islamic education from Turkey: the Imam-Hatip schools," *British Journal of Religious Education* 39, no. 3 (2016), 4. Pada asalnya, Sekolah Imam-Hatip ditubuhkan adalah bagi melatih imam dan khatib. Namun, sukatan yang diajarkan di sekolah tersebut adalah merangkumi subjek-subjek asas sukatan sekolah biasa beserta subjek-subjek pengajian Islam. Ini bermaksud, pembukaan Sekolah Imam-Hatip untuk pelajar perempuan adalah suatu yang wajar dan relevan untuk dilaksanakan memandangkan semua rakyat Turki mempunyai hak yang sama untuk akses di dalam pendidikan, termasuklah pendidikan agama.

⁵⁹ Çakmak, "Pro-Islamic Public Education in Turkey," 833. Bermula sesi 1976-1977, pelajar perempuan yang bersekolah di Sekolah Imam-Hatip telah diasingkan dari pelajar lelaki. Perkembangan ini telah menyumbang pertambahan mendadak bilangan sekolah tersebut.

Di antara tahun 1980 sehingga tahun 1983, tentera telah mengambil alih urusan pentadbiran negara sebagai kerajaan sementara. Sungguhpun antara alasan tentera melakukan rampasan kuasa adalah bagi mengekang gelombang kebangkitan Islam di Turki, namun dalam tempoh tersebut juga tentera telah memperluaskan lagi kedudukan dan kompetensi pendidikan Islam. Sikap tentera ini didorong oleh pandangan bahawa agama boleh dijadikan elemen penyatu masyarakat Turki bagi mengawal ketegangan politik yang melanda, khususnya dari puak pemisah dan kelompok kiri. Dalam hal ini, lepasan Sekolah Imam-Hatip telah dibenarkan untuk melanjutkan pengajian di mana-mana fakulti di universiti serta mewajibkan pengajaran kursus agama di semua sekolah.⁶⁰

Usaha pemeraksanaan Islam diteruskan oleh Erbakan melalui penubuhan *Refah Partisi* (RP) pada 19 Julai 1983. Peneraju RP cuba menjarakkan parti tersebut dari pendahulu-pendahulunya dengan mengambil sikap yang lebih liberal dan cuba menampilkan RP sebagai sebuah parti massa yang mewakili pelbagai segmen masyarakat. RP memperlihatkan kecemerlangannya dalam pilihanraya tempatan pada Mac 1994 dengan menguasai sebanyak 327 kerusi majlis perbandaran di bandar-bandar utama termasuklah Ankara, Istanbul, Konya, Diyarbakir, Erzurum dan Kayseri.⁶¹ Kejayaan meraih 21 peratus undi dalam pilihanraya umum pada tahun 1995 pula telah memberi peluang kepada RP untuk membentuk kerajaan gabungan bersama *Doğru Yol Partisi* (DYP).⁶² Walaupun kerajaan yang dibentuk antara RP-DYP tidak mampu untuk bertahan lama kerana menerima tekanan yang kuat dari pihak sekular khususnya tentera, namun beberapa dasar pro-Islam telah berjaya dilaksanakan oleh Erbakan dan RP. Dalam konteks polisi awam misalnya, antara usaha yang dilakukan oleh RP ialah mengetatkan penjualan arak di premis perniagaan dan hiburan serta menambahkan bilangan masjid di sekitar Turki.⁶³

Erbakan menjadikan Islam sebagai elemen penyatuan nasional dengan memfokuskan kepada pendidikan sebagai aspek yang penting. Melalui gagasan tersebut, penambahan terhadap bilangan Sekolah Imam-Hatip telah dilakukan secara drastik di bawah kerajaan gabungan RP-DYP (lihat Jadual 2.4).⁶⁴ Selain itu, kelas-kelas pengajian al-Qur'an juga turut dibuka kepada para pelajar sekolah di samping menaikkan peruntukan sekolah-sekolah beraliran agama. Semasa era RP juga, kumpulan-kumpulan Islam dibenarkan membuka sekolah dan kolej swasta yang sekaligus memperkasakan asas penubuhan kumpulan-kumpulan tersebut dalam menjalankan kegiatan Islami.⁶⁵

⁶⁰ Meskipun begitu, agama tidak dibiarkan bebas sepenuhnya, sebaliknya tertakluk di bawah tafsiran rejim pemerintah yang sekaligus bertujuan bagi memenuhi kepentingan mereka. Bagi konteks pendidikan, Islam telah diberikan "kedudukan yang istimewa", di mana sukatan pengajian Islam di sekolah diselaraskan di bawah kementerian. Sukatan subjek pengajian Islam di sekolah membolehkan pengolahan Islam dilakukan berdasarkan perspektif dan kepentingan rejim pemerintah ketika itu. Lihat Merve Kavakci Islam, *Headscarf Politics in Turkey: A Postcolonial Reading* (New York: Palgrave Macmillan, 2010), 49-50.

⁶¹ Ugur Akinci, "The Welfare Party's Municipal Track Record: Evaluating Islamist Municipal activism in Turkey," *Middle East Journal* 53, no. 1 (1999), 78.

⁶² Kerjasama tersebut membolehkan Erbakan menduduki kerusi Perdana Menteri Turki, sekaligus menjadi Perdana Menteri Turki yang pertama dari jalur Islam. Lihat Dagi, "Transformation of Islamic Political Identity," 309.

⁶³ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 80.

⁶⁴ Çakmak, "Pro-Islamic Public Education in Turkey," 835.

⁶⁵ M. Hakan Yavuz, *Islamic Political Identity in Turkey* (New York: Oxford University Press, 2003), 214.

Jadual 2.4. Bilangan Sekolah Imam-Hatip dan Pelajar (Sesi 1991-1992 sehingga Sesi 1996-1997)

| Sesi persekolahan | Sekolah menengah | | Sekolah tinggi | | Jumlah pelajar |
|-------------------|------------------|---------|----------------|---------|----------------|
| | Sekolah | Pelajar | Sekolah | Pelajar | |
| 1991-1992 | 406 | 229,570 | 390 | 117,706 | 347,276 |
| 1992-1993 | 416 | 258,405 | 391 | 137,490 | 395,895 |
| 1993-1994 | 446 | 283,601 | 394 | 162,828 | 446,429 |
| 1994-1995 | 448 | 303,179 | 397 | 172,996 | 476,175 |
| 1995-1996 | 561 | 407,699 | 402 | 185,110 | 592,809 |
| 1996-1997 | 601 | 418,775 | 402 | 192,727 | 611,502 |

Sumber: *Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools*⁶⁶

Meskipun pendekatan yang lebih liberal telah cuba diambil bagi mengelakkan kecurigaan pendokong sekular, keberadaan RP di dalam kerajaan tidak bertahan lama berikutan tekanan yang dikenakan ke atas parti tersebut. Usul yang dikemukakan kepada Mahkamah Perlembagaan pada 21 Mei 1997 bagi mengharamkan RP telah menggoncang kerajaan gabungan RP-DYP. Anggota kabinet menteri dari kalangan ahli TBMM DYP pimpinan Tansu Çiller telah mengambil “langkah selamat” melalui perletakan jawatan lebih awal di dalam kerajaan. Manakala Erbakan pula diarahkan untuk meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Akhirnya pada 28 Februari 1998, Mahkamah Perlembagaan memutuskan bahawa RP diharamkan secara rasmi.⁶⁷ Selain itu, Erbakan turut dikenakan hukuman larangan terlibat di dalam sebarang kegiatan politik selama lima tahun.

Pengharaman RP menyaksikan kemasukan pendokong dan ahli-ahli TBMM RP ke dalam *Fazilet Partisi* (FP). FP ditubuhkan pada 17 Disember 1997, iaitu sebelum pengharaman RP pada 28 Februari 1998 dengan bertujuan untuk mengelakkan FP dari dikaitkan sebagai penerus kesinambungan bagi RP. Manakala kemasukan ahli baru ke dalam FP dilakukan secara berperingkat. Larangan dari berpolitik selama lima tahun menyebabkan Erbakan tidak terlibat secara langsung di dalam kepimpinan FP. Walaupun FP terus menerima sokongan rakyat dengan meraih 15.2 peratus undi dan diperuntukkan 111 kerusi dalam pilihanraya umum tahun 1999, namun keberadaan FP tetap tidak disenangi oleh pendukung sekular Turki. Pada 22 Jun 2001, Mahkamah Perlembagaan telah membubarkan FP di atas dakwaan terlibat dengan kegiatan anti-sekular dan menjadi penerus kepada kesinambungan RP yang telah diharamkan sebelumnya.⁶⁸

Rumusan

Proses sekularisasi telah menjadi intipati kepada program pembaharuan Atatürk dan diteruskan oleh rejim Kemalis selepasnya. Sebagai respon, muncul tokoh-tokoh seperti Menderes dan Erbakan yang masing-masing menggerakkan DP dan *Milli Görüş* bersama beberapa dasar pro-Islam yang dilaksanakan semasa era mereka. Secara asasnya, DP adalah mewakili jalur liberal yang oportunistik dan cenderung untuk mewujudkan kebebasan supaya rakyat Turki dapat mengamalkan sebarang pegangan hidup. Dalam hal ini, Menderes mengamalkan politik pragmatik di mana agenda Islam telah dimanfaatkan bagi meraih sokongan

⁶⁶ Çakmak, “Pro-Islamic Public Education in Turkey,” 835.

⁶⁷ Redzuan dan Mashitah, *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki*, 80-81.

⁶⁸ *Ibid.*, 84.

masyarakat konservatif dan luar bandar. Berbeza dengan *Milli Görüş* pimpinan Erbakan yang sememangnya berpegang kepada idea politik Islam dengan meletakkan komitmen terhadap agenda memperkasakan Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi wacana Islam yang terus dipegang oleh parti-parti *Milli Görüş* meskipun ia diharamkan satu-persatu oleh autoriti sekular.

Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa tekanan terhadap entiti-entiti politik yang membawa agenda Islam tidak begitu menjejaskan kecenderungan masyarakat Turki yang sememangnya telah bersebuti dengan Islam. Perkara ini terbukti menerusi kecenderungan rakyat yang memilih DP di atas faktor ia yang dilihat lebih memberikan harapan kepada perkembangan Islam berbanding CHP yang berimej sekular. Pada era *Milli Görüş* pula, parti-parti politik bercitrakan Islam seperti MSP, RP dan FP terus menerima sokongan yang signifikan daripada rakyat. Selepas pengharaman satu demi satu parti-parti politik *Milli Görüş*, rakyat terus memberikan sokongan kepada parti yang juga mempunyai imej pro-Islam dan konservatif iaitu *Adalet ve Kalkınma Partisi* (AKP). Hal ini mengisyaratkan bahawa dalam konteks perkembangan Islam di Turki, rakyat juga mempunyai peranan yang tersendiri dengan memberikan sokongan terhadap pihak yang mempunyai agenda untuk memperkasakan Islam. Sokongan tersebut membolehkan parti-parti politik yang mempunyai agenda Islam menduduki tampuk pemerintahan, lantas melaksanakan dasar atau polisi pro-Islam bersesuaian dengan kondisi dan limitasi yang ada.

Penulis berpendapat, Menderes dan Erbakan telah memanfaatkan sedayanya ruang yang terbatas untuk menyumbang kepada perkembangan Islam di Turki. Meskipun wujud halangan dari pihak tentera serta perlembagaan negara, mereka tetap memainkan peranan yang tersendiri untuk mengembalikan semula peranan Islam ke tempat yang sepatutnya. Hal ini sewajarnya dicontohi oleh entiti-entiti Islam lain, khususnya yang bergerak di atas jalur gerakan politik Islam supaya terus komited dengan agenda Islam walaupun wujud halangan dan cabaran yang mendatang. Strategi dan pendekatan sememangnya boleh berubah mengikut keperluan semasa. Namun, agenda memperkasakan Islam perlulah diberikan keutamaan dan tidak dipinggirkan sama sekali berdasarkan justifikasi strategi dan memenuhi kehendak popular awam semata-mata.

Rujukan

- Ahmad, Feroz. *The Making of Modern Turkey*. New York: Routledge, 1993.
- Akinci, Ugur. The Welfare Party's Municipal Track Record: Evaluating Islamist Municipal activism in Turkey. *Middle East Journal* 53, 1 (1999): 75-94.
- Aşlamacı, Ibrahim dan Kaymakcan, Recep. A model for Islamic education from Turkey: The Imam-Hatip schools. *British Journal of Religious Education* 39, 3 (2016): 1-14.
- Asyraf Hj Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Fadzli Adam, Nooraihan Ali dan Daud Ismail. The Consequences of Ataturk's Secularization on Turkey. *Asian Social Science* 11, 21 (2015): 350-354.
- Atacan, Fulya. "Explaining Religious Politics at the Crossroad AKP-SP." Dalam *Political Islam Critical Concepts in Islamic Studies*, ed. Barry Rubin, 346-359. Oxon: Routledge, 2007.

- Berkes, Niyazi. *The Development of Secularism in Turkey*. Montreal: McGill University Press, 1964.
- Burak, Begüm. The Role of the Military in Turkish Politics: To Guard Whom and From What? *European Journal of Economic and Political Studies* 4, 1 (2011): 143-169.
- Çakmak, Diren. Pro-Islamic Public Education in Turkey: The Imam-Hatip Schools. *Middle Eastern Studies* 45, 5 (2009): 825-846.
- Çelebi, Bahadır. The Failure of Assertive Secularization Project in Turkey. *Turkish Journal Politics* 2, 1 (2011): 89-98.
- Dagi, Ihsan D. "Transformation of Islamic Political Identity in Turkey Rethinking the West and Westernization." Dalam *Political Islam Critical Concepts in Islamic Studies*, ed. Barry Rubin, 304-322. Oxon: Routledge, 2007.
- Fadhullah Jamil. *Islam di Asia Barat Modern: Penjajahan dan Pergolakan*. Selangor: Karisma Publications, 2007.
- Geyikdağı, Mehmet Yaşar. *Political Parties in Turkey: The Role of Islam*. New York: Praeger Publisher, 1984.
- Harris, George S. *Turkey Coping with Crisis*. Colorado: Westview Press, 1985.
- Hazama, Yasushi. "Democratization and Islamic movements in Turkey." Dalam *Popular Movements and Democratization in the Islamic World*, ed. Masatoshi Kisaichi, 161-183. Oxon: Routledge, 2006.
- Islam, Merve Kavakci. *Headscarf Politics in Turkey: A Postcolonial Reading*. New York: Palgrave Macmillan, 2010.
- Karpat, Kemal H. The Turkish Elections of 1957. *The Western Political Quarterly* 14, 2 (1961): 436-459.
- Mashitah Sulaiman. "Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Modern Melalui Proses Politik." Disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2004.
- McCaskey, Kevin K. "Of Ballots and Bullets: Explaining Civilian Control of the Military in Turkey, 2002-2011." Disertasi kedoktoran, Naval Postgraduate School, Monterey, California, 2014.
- Mohammad Redzuan Othman dan Mashitah Sulaiman. *Sekularisme dan Proses Demokrasi di Turki: Pemerkasaan Islam dan Kepimpinan Erdogan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015.
- Pauline Lim Meng Juak. "The Building of a Modern Turkish Civilization: A Study of Kemal Ataturk's Vision and Approach to Nation-Building." Disertasi sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 2002
- Pauline Lim Meng Juak. *Kemal Ataturk and the building of a Modern Turkish Civilization*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2004.

- Price, M. Philips. *A History of Turkey: From Empire to Republic*. New York: Macmillan Company, 1956.
- Sambur, Bilal. The Great Transformation of Political Islam in Turkey: The Case of Justice and Development Party and Erdogan. *European Journal of Economic and Political Studies* 2, (2009): 117-127.
- Shafie Abd Rahman. *Erdogan & Era Baharu Turki Uthmaniyah*. Kuala Lumpur: Darul Taklim, 2017.
- Toprak, Binnaz. Secularism and Islam: The Building of Modern Turkey. *Macalester International* 15, 9 (2005): 27-43.
- Toprak, Binnaz. *Islam and Political Development in Turkey*. Leiden: E. J. Brill, 1981.
- Topukcu, Asli. "The Processes and the Principles of Constitutional Design in Turkey: Historical and Legal Perspective." Makalah, World Congress of Constitutional Law 2014, Oslo, Norway, 16-20 Jun 2014.
- Vielhaber, David. The Milli Görüs of Germany. *Current Trends in Islamist Ideology* 13 (2012): 47-68.
- Yavuz, M. Hakan. *Islamic Political Identity in Turkey*. New York: Oxford University Press, 2003.